

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Modal sosial adalah berasal dari ikatan perhubungan di kalangan manusia. Antara indikator modal sosial ialah seperti maklumat dan norma yang dapat meningkatkan fungsi individu. Contoh modal sosial ialah seperti modal sosial keluarga yang menjadi asas kepada modal sosial anak-anak khususnya yang berkaitan dengan pendidikan. Melalui pendidikan, ibu bapa dapat menyediakan aspek-aspek yang dapat menghantar fakta dan pengetahuan berkenaan dengan perihal mendidik dan keuntungan di masa hadapan, menentukan prestasi dan menyediakan pertolongan bagi menjalani kehidupan berkenaan dengan pendidikan. Contoh modal sosial yang lain ialah modal sosial di sekolah yang berkaitan dengan hubungan akrab antara generasi (Crosnoe, 2004).

Sumber-sumber yang lain membincangkan modal sosial dari segi maklumat, penyeliaan, sokongan dan norma yang dapat menggalakkan kejayaan dalam akademik. Aspek-aspek tersebut diperolehi dari perhubungan individu dengan rakan sebaya, guru dan lain-lain entiti di luar daripada lingkungan keluarga. Sebagai contohnya guru dapat menggalakkan pelajar untuk berusaha dalam meningkatkan pencapaian akademik melalui kursus persediaan ke kolej kepada individu yang menjadi pelajar sekolah yang tidak ada akses kepada fakta dan pengetahuan di rumah. Kauselor pula akan mengiringi pelajar sekolah untuk turut serta dalam lawatan ke institusi pengajian tinggi seperti kolej untuk menolong pelajar sekolah memilih dan memasuki institusi pengajian tinggi yang sesuai. Manakala kakitangan di institusi berkaitan dengan perihal mendidik akan menentukan

pelajar sekolah yang diteliti sebagai sesuai untuk institusi menerima tajaan dan mempunyai kemampuan untuk mencapai prestasi akademik yang baik (Goyette dan Conchas, 2002).

Stones dan Hughes (2002) memberi pandangan bahawa pada ketika ini semakin pelbagai polisi dan juga sarjana-sarjana yang mempunyai kemampuan berkenaan dengan modal sosial bagi mengeluarkan keputusan di aras mikro misalnya aspek kebajikan kepada keluarga pelajar sekolah. Selain dari itu, mengeluarkan keputusan di aras makro juga diberi tumpuan sebagai contohnya aspek ekonomi yang mempunyai kemahiran, aktiviti politik yang mempunyai demokrasi dan masyarakat yang bertenaga. Selain dari itu, modal sosial kerap kali dilihat mempunyai keserupaan dengan tanggapan masyarakat yang kuat dan membangun.

Modal sosial juga kerap kali dipandang sebagai indikator kemahiran sesebuah komuniti. Ini adalah disebabkan oleh sesebuah komuniti yang ditentukan sebagai sihat dan dapat menjalankan fungsi didapati ada modal sosial yang lengkap. Manakala dalam komuniti yang terputus hubungan, dapat digambarkan bahawa senario kurang kepercayaan, kurang tumpuan kepada awam, kurang jaringan sosial yang positif dan kurang kerjasama secara kolektif telah terjadi di kalangan anggota komuniti (Print dan Coleman, 2003). Berdasarkan pernyataan Avis (2002), modal sosial dapat berfungsi sebagai satu alat yang boleh menghasilkan semula ekonomi dan kemampuan untuk saing serta saluran untuk menghasilkan kesatuan sosial dan penglibatan sosial.

Oleh itu, kajian ini cuba meneliti pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik pelajar-pelajar di desa. Sifat-sifat modal sosial ialah terdiri dari kumpulan dan jaringan, kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial, serta pendayaupayaan. Manakala aspek pencapaian akademik pelajar sekolah luar bandar adalah berasaskan pada keputusan peperiksaan pelajar yang terkini dan pencapaian pelajar. Berbanding dengan kaedah

penyelidikan terdahulu didapati sarjana-sarjana terdahulu seperti John (2005) dan Parcel dan Dufur (2001) banyak memberi tumpuan kepada aspek berkenaan dengan senario perhubungan antara modal sosial dan pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah atau golongan belia adalah menggunakan kaedah berbentuk penerokaan. Penyelidikan penerokaan tersebut bermatlamat untuk memperolehi maklumat dan fakta utama berkenaan dengan cara-cara modal sosial memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah dan golongan belia. Latar belakang berkenaan dengan sosial adalah terdiri daripada entiti-entiti seperti keluarga, sekolah dan masyarakat termasuk kawasan kejiranan yang telah menjadi tumpuan utama penyelidikan berkenaan dengan modal sosial oleh sarjana-sarjana terdahulu.

Terdapat sebilangan sarjana seperti Goyette dan Conchas (2002) yang mengambil frasa keluarga dan bukan keluarga untuk membuat perbezaan antara latar belakang keluarga dan masyarakat merangkumi institusi sekolah dan kawasan kejiranan. Kebanyakan analisis oleh sarjana-sarjana terdahulu ke atas pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik adalah bermatlamat untuk meneliti fungsi modal sosial keluarga dan masyarakat adalah menggunakan pendekatan kuantitatif. Terdapat sebahagian kecil sarjana yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pada umumnya sarjana-sarjana menerima fakta dan maklumat bahawa modal sosial keluarga memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah. Wujud beberapa sarjana yang memberi cadangan supaya modal sosial di kalangan keluarga dijadikan sebagai alat untuk mendorong pencapaian akademik pelajar sekolah. Manakala modal sosial masyarakat dilihat oleh pengkaji terdahulu seperti Goyette dan Conchas (2002) sebagai kurang signifikan dalam memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah. Walau bagaimanapun kemampuan sumber modal sosial tersebut tidak boleh ditinggalkan. Ini adalah disebabkan modal sosial masyarakat

mungkin memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar di sekolah tinggi melalui program, organisasi dan aktiviti yang berbeza di kawasan penempatan.

## **1.2 Objektif Kajian**

Penyelidikan ini cuba memenuhi objektif-objektif berikut, iaitu objektif umumnya adalah untuk menentukan pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik pelajar desa. Manakala objektif khusus ialah:

- a. Mengukur pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik pelajar desa

Maklumat dan data yang dikumpulkan melalui objektif ini ialah tentang kesan (pertalian atau hubungan) modal sosial ke atas pencapaian akademik seperti kesan kumpulan dan jaringan, kepercayaan dan pembolehubah modal sosial yang lain ke atas pencapaian atau kecemerlangan pelajar; kesan kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama ke atas keputusan peperiksaan yang terkini pelajar dan lain-lain. Objektif ini juga cuba memperolehi maklumat dan data tentang persamaan dan perbezaan antara modal sosial dengan pencapaian akademik pelajar sekolah di desa seperti kumpulan dan jaringan dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar, kepercayaan dengan keputusan peperiksaan terkini pelajar dan lain-lain. Fakta lain yang dikumpulkan melalui objektif ini ialah tentang senario modal sosial yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah di desa seperti kumpulan dan jaringan melalui kepercayaan yang memberi kesan ke atas pencapaian atau kecemerlangan pelajar sekolah di desa, kumpulan dan jaringan melalui tindakan kolektif dan kerjasama yang memberi kesan ke atas pencapaian atau kecemerlangan pelajar sekolah di desa dan lain-lain.

- b. Menilai impak corak modal sosial yang berbeza ke atas pencapaian akademik pelajar desa

Objektif ini adalah cuba memperolehi fakta berkenaan perbezaan latar belakang pelajar sekolah di desa seperti jantina, bangsa, sektor pekerjaan bapa, sektor pekerjaan ibu dan lain-lain. Objektif ini juga cuba mengumpulkan maklumat dan data tentang persamaan dan perbezaan antara bangsa dengan jantina, bangsa dan agama, sektor pekerjaan dan jantina, dan lain-lain perbandingan latar belakang pelajar desa. Objektif juga cuba memperolehi maklumat dan data tentang perbezaan dan persamaan antara modal sosial mengikut jenis indeks. Objektif ini juga cuba mengutip maklumat dan data tentang perbezaan dan persamaan antara modal sosial dengan latar belakang pelajar sekolah di desa seperti kumpulan dan jaringan dengan bangsa, agama dan lain-lain.

c. Mencadangkan strategi-strategi pemeraksanaan modal sosial agar dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar desa

Objektif ini cuba mengemukakan cadangan atau strategi yang dapat menghasilkan program modal sosial untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar desa.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Halangan dalam penyelidikan modal sosial adalah walaupun banyak telah dilakukan berkaitan dengan kesan modal sosial ke atas pencapaian pendidikan hanya sedikit sahaja diketahui berkenaan dengan mekanisme sumber modal sosial mempengaruhi pencapaian pendidikan dan cita-cita remaja serta bagaimana perubahan yang berlaku dalam mekanisme tersebut berbeza merentasi kumpulan gender (Adedokun, 2007).

Individu yang mempunyai modal sosial dapat merealisasikan matlamat dengan lebih baik dan manusia akan melabur dalam modal sosial untuk mencapai matlamat mereka (Flap dan Volker, 2004). Oleh itu kajian ini cuba menjawab persoalan yang berkaitan dengan modal sosial. Kegagalan eksperimen golongan intervensionis terdahulu adalah disebabkan

ketiadaan modal sosial dan dasar awam yang sesuai untuk membina modal sosial, masalah tindakan kolektif dan lain-lain sumber kegagalan kerajaan yang boleh diatasi (Meadowcroft dan Pennington, 2007). Modal sosial sebagai pembolehubah bebas berfungsi untuk menjelaskan senario dari penciptaan modal manusia dan keberkesanan institusi demokratik untuk mengurangkan jenayah atau penghapusan kemiskinan. Modal sosial adalah sumber yang memudahkan manusia untuk mencapai matlamat. Walau bagaimanapun sifatnya yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar menyukarkan manusia untuk mengenal pasti modal sosial sebagai sumber (Herrerros, 2004). Sebaliknya, Arneil (2006<sup>b</sup>) menunjukkan terdapat alasan yang baik bahawa obsesi dengan modal sosial adalah salah walaupun benar-benar bahaya untuk kumpulan kurang berkuasa dalam masyarakat seperti wanita, kumpulan etnik minoriti, orang kurang upaya dan lain-lain.

Konsep modal sosial seperti kepercayaan tidak dapat dikenal pasti sepenuhnya dengan pendekatan seperti teori pilihan rasional dan pendekatan yang lain (Herrerros, 2004). Risiko memberi penekanan kepada masyarakat untuk meningkatkan aras modal sosial ialah hasil yang tidak berkesan, mewujudkan pertentangan dan sumber masyarakat yang berlebihan (Pearce and Smith, 2003).

Pembangunan modal sosial mempunyai tugas untuk menyusun ekonomi “generasi kedua” disebabkan dalam modal sosial mengandungi elemen-elemen kepercayaan, jaringan sosial dan lain-lain indikator. Modal sosial juga memberi tumpuan pada kerjasama dalam kumpulan yang menerima kejujuran, penglibatan, pelaksanaan tugas dan hubungan timbal balik antara anggota (Fukuyama, 1999).

Wujud sebilangan medium yang memberi kesan ke atas tugas modal sosial iaitu:

- a. Penyaluran pengetahuan dan fakta.
- b. Tindakan bersama yang berpegang pada rangkaian sosial.

- c. Perpaduan yang didorong oleh rangkaian sosial yang menolong individu mentafsir cara berfikir “saya” kepada cara berfikir “kami”.

Keseluruhan medium yang telah dikatakan di atas membenarkan modal sosial melaksanakan tugas melalui unsur-unsur seperti kepercayaan, saling hubungan, maklumat dan kerjasama kumpulan dalam rangkaian sosial yang kemudiannya keseluruhan perkara tersebut membenarkan pembentukan norma dalam kumpulan individu yang mempunyai timbal balik dalam berinteraksi (Putnam, 2000).

Di Malaysia lebih menumpukan pada modal insan dan modal fizikal berbanding dengan modal sosial. Pada kelazimannya tumpuan ke atas modal sosial dalam polisi pendidikan masih kurang berbanding dengan modal manusia dan modal fizikal. Keseluruhannya, tumpuan ke atas modal sosial yang kurang adalah kerana modal sosial masih berada di tahap awal pembangunan bidang ilmu. Misalnya, dalam latar belakang polisi pendidikan Malaysia sebagaimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk perancangan tahun 2006-2010 yang memberi tumpuan pada modal manusia dan modal fizikal disebabkan sifat modal tersebut lebih ketara dan boleh dilihat dengan mata kasar. Manakala modal sosial lebih bersifat tidak ketara.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini telah memberi tumpuan pada persoalan kajian berikut yang dirangkan berdasarkan objektif kajian:

1. Adakah modal sosial mempengaruhi pencapaian akademik pelajar desa?
2. Adakah impak corak modal sosial berbeza ke atas pencapaian akademik pelajar desa?

3. Apakah strategi-strategi yang dapat memperkasakan modal sosial agar dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar desa?

### **1.5 Latar belakang Kawasan Kajian**

Modal sosial adalah aspek amat berharga untuk mengatasi masalah-masalah yang terjadi dalam komuniti seperti masalah berkenaan ekonomi yang melibatkan kemiskinan, kemelesetan ekonomi dan masalah makanan; masalah sosial seperti masalah golongan muda yang mulai dewasa, pemuda atau pemudi, perbuatan salah dan sebagainya; dan masalah berkenaan dengan politik seperti keadaan bergolak, pertempuran dan sebagainya. Ini adalah disebabkan menerusi modal sosial, hal berkongsi, kerja bersama-sama dan sikap terus-terang kepada pengetahuan terkini boleh dihasilkan menerusi dimensi-dimensi modal sosial yang telah diperkatakan dalam bahagian-bahagian terdahulu tesis ini iaitu jaringan, kumpulan, kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, dan sebagainya.

Melalui keperluan ke atas modal manusia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang bermatlamat untuk meningkatkan hal bersaing dan meneroka sumber perkembangan terkini. Oleh itu, kepentingan ke atas modal sosial seperti maklumat, kerjasama, perpaduan dan kepercayaan individu juga menjadi semakin meningkat disebabkan modal sosial dapat menolong meninggikan modal manusia di antara rakyat dan penghuni negara Malaysia seperti boleh meninggikan ilmu, kecekapan dan prestasi individu.



## **1.5.1 Latar belakang Sosioekonomi Dan Modal Sosial Bagi Malaysia Dan Kedah**

### **1.5.1.1 Malaysia**

#### **a. Jantina**

Jantina menunjukkan perbezaan dalam banyak aspek pembangunan manusia. Jantina digunakan sebagai pembolehubah pengantara bagi pencapaian akademik. Pengertian kediri akademik dan status sosial serta ekonomi adalah peramal bagi prestasi pendidikan untuk lelaki dan perempuan. Jantina juga menjadi pembolehubah pengantara bagi kesan status sosial dan ekonomi ke atas pengertian kediri akademik. Impak status sosial dan ekonomi ke atas pengertian kediri akademik ialah agak besar untuk pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki (Fin dan Ishak, 2012). Terdapat perbezaan antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki dari segi pencapaian akademik iaitu pelajar perempuan memperolehi pencapaian akademik lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki (Fong Peng Chew dan Ming Hui Teong, 2014).

Di Malaysia kanak-kanak lelaki dan perempuan mempunyai akses yang sama kepada pendidikan. Dalam tahun 1993, 1998 dan 2003 menunjukkan komposisi pelajar lelaki dan perempuan yang mendaftar di Sekolah Rendah adalah sama walau bagaimanapun pendaftaran lelaki adalah rendah berbanding pelajar perempuan di Sekolah Menengah. (Ministry of Education, 2004). Interaksi jantina melalui Facebook kelihatan memainkan peranan yang kuat dalam meningkatkan modal sosial merapatkan di kalangan pelajar ijazah sarjana muda di Malaysia. Jantina boleh meramalkan proses merapatkan dalam talian melalui Facebook. Lelaki dan perempuan adalah berbeza dari segi proses merapatkan dalam talian. Lelaki mempunyai modal sosial merapatkan lebih tinggi berbanding dengan perempuan. Oleh itu interaksi gender melalui Facebook adalah agen lebih boleh dipercayai untuk membentuk modal sosial merapatkan dalam talian (Hamedi M. Adnan dan Samira Rahimi Mavi, 2015).

## b. Umur

Umur merupakan peramal yang rendah ke atas pencapaian akademik (Habibollah Naderi et al. 2009). Pelajar lelaki lebih ramai yang tidak meneruskan pendidikan pada usia remaja. Di peringkat universiti belia lelaki menunjukkan kadar pendaftaran yang rendah dalam hampir semua bidang. Kumpulan dipertimbangkan sebagai sangat terdedah kepada bentuk berbeza pengecualian sosial. Di Malaysia kumpulan yang dipertimbangkan sangat terdedah kepada bentuk berbeza pengecualian sosial adalah kumpulan terpinggir seperti kanak-kanak keperluan khas dan kanak-kanak orang asli. Perhatian dalam menyediakan pendidikan masih kepada memastikan kumpulan kanak-kanak tersebut adalah ditawarkan pilihan berdaya maju untuk membolehkan mereka mengejar kepentingan dan memenuhi keperluan serta potensi mereka. Banyak perhatian diberikan untuk meningkatkan penyertaan belia dalam program berbeza. Program pembangunan belia merangkumi kursus dalam kepimpinan dan latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan lain-lain program. Kursus tersebut meliputi latihan dalam pengurusan, interaksi sosial dan teknik komunikasi, kepimpinan dan kemahiran tawar-menawar serta kerja kumpulan (Ministry of Education, 2004).

## c. Bangsa

Kadar celik huruf di peringkat asas dan kritikal adalah tinggi untuk pelajar Melayu diikuti oleh pelajar China, bangsa lain dan diikuti pelajar bangsa India. Walau bagaimanapun apabila kadar celik huruf adalah diterangkan dalam komponen Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan matematik didapati bahawa pelajar Melayu mempunyai kadar celik huruf paling tinggi berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain dalam Bahasa Melayu manakala pelajar China cemerlang dalam matematik serta pelajar India adalah cemerlang dalam Bahasa Inggeris. Pola yang berbeza dalam kadar celik huruf adalah berkaitan dengan

latar belakang dan nilai kebudayaan orientasi tertentu orang Melayu, China dan India. Orang Melayu dan India biasanya menunjukkan sosialisasi dan kemahiran bertutur iaitu berkaitan dengan kecekapan sosio-linguistik yang lebih baik dalam profesion yang memerlukan jenis kemahiran ini seperti pentadbir, guru atau peguam. Bidang ini adalah kemungkinan dikejar oleh orang Melayu dan India berbanding dengan ras yang lain. Orang China adalah kelihatan mempunyai kelebihan dalam kemahiran komputer oleh kerana itu cenderung untuk menyertai kerjaya yang berkaitan dengan ekonomi dan perniagaan (Fong Peng Chew, 2012).

Bangsa diramalkan tidak mempunyai hubungan dengan modal sosial merapatkan melalui Facebook. Penggunaan Facebook secara giat tidak menjadi faktor pengantara yang berkuasa untuk mengecilkan halangan perbezaan budaya, agama dan bahasa untuk merapatkan kumpulan etnik berbeza. Pengenalan kesan aktiviti berkaitan internet dalam masyarakat dengan bangsa dan budaya berbeza masih menjadi aspek penting untuk dikaji dengan modal sosial. Kepentingan konsep modal sosial dalam masyarakat dengan bangsa dan budaya berbeza adalah lebih dari masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang serupa kerana telah dibuktikan berkesan dalam menubuhkan perpaduan kebangsaan (Hamed M. Adnan dan Samira Rahimi Mavi, 2015).

#### d. Pendapatan ibu bapa

Fungsi pendapatan ibu bapa dan bilangan persekolahan anak-anak menunjukkan bahawa ibu bapa perlu disokong dalam aspek kos persekolahan anak-anak. Beban persekolahan dari segi kos per pelajar sepertimana peratusan dalam pendapatan serta jumlah kos persekolahan anak-anak sepertimana peratusan pendapatan. Oleh kerana pendapatan lebih rendah diperolehi oleh ibu bapa di kawasan luar bandar, ibu bapa tersebut cenderung membelanjakan 10.5 peratus pendapatan mereka untuk anak-anak berbanding

ibu bapa di kawasan bandar yang membelanjakan 8.3 peratus pendapatan (Osman Rani Hassan dan Rajah Rasiah, 2011). Pendapatan keluarga menyumbang pada pencapaian akademik kanak-kanak dan pengalaman pembelajaran serta persekitaran fizikal di rumah (Zahyah Hanafi, 2008). Pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga yang mempunyai latar belakang sosioekonomi lebih tinggi akan memperolehi pencapaian akademik lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang datang daripada latar belakang sosioekonomi keluarga yang lebih rendah (Chew et al. 2012).

Dalam tempoh beberapa puluh tahun yang lepas ahli ekonomi bergantung pada modal konvensional yang sedia ada iaitu modal fizikal, modal kewangan dan modal insan dalam mencari penjelasan yang tepat ke atas faktor yang menyumbang pada ketidaksamaan pendapatan. Skop pemikiran ekonomi harus lebih luas dengan mengambil kira modal sosial iaitu aspek hubungan yang berkaitan dengan kemampuan untuk berinteraksi dan membina jaringan atau hubungan ahli ekonomi yang menjadi penentu berpotensi dalam ketidaksamaan. Ahli teori dan penyokong modal sosial percaya bahawa modal sosial bertindak sebagai pendorong untuk aktiviti ekonomi yang lebih baik dan melengkapkan modal konvensional yang sedia ada sebagai penjana kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pendapatan individu atau kesejahteraan dan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan. Di Malaysia, ketidaksamaan pendapatan kekal sebagai isu yang tidak dapat diselesaikan walaupun banyak usaha telah diambil untuk menangani masalah tersebut. Pendapatan adalah penting dalam memberi perspektif yang lebih luas ke atas faktor yang sebenarnya menentukan perbezaan yang berpanjangan dalam pendapatan yang dihadapi oleh orang Malaysia. Hasil kajian menunjukkan modal sosial mempengaruhi aras pendapatan individu (Mohd Nasir Saukani et al. 2014).

#### e. Biasiswa

Modal sosial adalah komponen penting dalam jaringan. Bentuk modal sosial yang paling penting ialah saluran maklumat. Di kalangan pelajar atau modal insan separuh lengkap, saluran maklumat adalah lebih asas dalam bentuk berita melalui mendapatkan maklumat daripada rakan dan saudara-mara tentang peluang-peluang biasiswa antarabangsa dan permohonan iklan biasiswa yang dimasukkan dalam surat khabar (Faizal Bin Yahya dan Arunajeet Kaur, 2011). Daya pendorong utama untuk biasiswa dalam modal sosial walau bagaimanapun menjadi semakin terputus hubungan dari penyertaan aktif dalam kehidupan awam, satu arah haluan dengan implikasi kurang menyenangkan untuk penyertaan demokratik aktif (Naim F. Erdem, 2002).

Biasiswa Antarabangsa Malaysia (Malaysia international Scholarship/MIS) adalah bertujuan untuk menyokong usaha Kerajaan Malaysia untuk menarik, memotivasikan dan mengekalkan modal insan yang berbakat dari luar negara. Pelajar antarabangsa yang berbakat dengan rekod akademik yang cemerlang dan latar belakang kurikulum yang cemerlang adalah digalakkan untuk memohon biasiswa dan melanjutkan pengajian dalam mana-mana universiti awam dan swasta yang terpilih dan yang mantap. Terdapat dua kategori biasiswa iaitu pengajian siswazah dan pengajian pasca kedoktoran (Pro European Students Union, 2015).

Biasiswa Antarabangsa Malaysia adalah inisiatif Kerajaan Malaysia untuk menarik pelajar terbaik di seluruh dunia dan menyediakan pakej pembiayaan untuk bidang merangkumi sains dan kejuruteraan, pertanian dan perikanan, ekonomi dan kewangan Islam, ICT, bioteknologi, keselamatan biologi dan keselamatan makanan, infrastruktur dan utiliti, kesihatan dan pengajian alam sekitar. Biasiswa tersebut adalah perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dan negara lain yang menjanjikan pelajar akan memberi sumbangan apabila mereka kembali ke negara asal. Universiti boleh menganugerahkan

biasiswa berdasarkan merit dan mengikut cadangan pusat penyelidikan atau jabatan pusat tanggungjawab (Mather-L'Huillier, 2015).


#### f. Tingkatan

Satu projek bilik darjah antarabangsa untuk pelajar kelas empat hingga sembilan dikenali sebagai census@school telah menjadikan munasabah untuk berkongsi data, idea dan pengalaman dalam pembelajaran dan pengajaran statistik (Jung Jin Lee, 2014). Sikap terhadap pendidikan tinggi atau pengetahuan berkenaan pendidikan tinggi membangun apabila pelajar dapat memasuki ke sekolah menengah. Peralihan ke sekolah menengah terutamanya sekolah menengah tinggi adalah pergerakan yang sangat penting untuk semua pelajar. Keputusan SPM atau sijil yang setaraf dengannya berfungsi sebagai sistem panduan dalaman untuk pelajar merancang peringkat seterusnya dalam pendidikan. Bagi pelajar yang gagal untuk mendapat gred yang lebih tinggi, tingkatan enam adalah berfungsi sebagai laluan alternatif untuk memasuki universiti. Bagi pelajar ini, peluang untuk memasuki tingkatan enam adalah dilihat sebagai peluang kedua untuk memperbaiki prestasi terdahulu. Secara keseluruhan, pelajar memasuki tingkatan enam dengan motivasi untuk menangani kelemahan dan untuk mendapat prestasi yang baik dalam peperiksaan sebagai persediaan untuk pendidikan universiti. Kepentingan untuk mencapai gred yang tinggi dalam peperiksaan kemasukan universiti kebangsaan adalah tinggi terutamanya apabila penyertaan dalam pendidikan awam di Malaysia adalah sentiasa mempunyai persaingan yang tinggi. Berdasarkan penemuan, tingkah laku pelajar individu, tindakan, pemikiran dan kepercayaan adalah dipengaruhi oleh dorongan dalaman untuk berjaya. Isu untuk mendapatkan gred yang tinggi adalah semakin ditekankan dan dalam konteks ini gred sekolah tinggi seringkali dilihat sebagai menggambarkan matlamat. Pemahaman keseluruhan pelajar adalah penentuan sendiri untuk meningkatkan prestasi akademik dan

untuk mencapai matlamat. Kepentingan untuk mendapat gred yang tinggi adalah tidak terbatas untuk memenuhi syarat-syarat kemasukan ke universiti tetapi untuk diterima ke universiti dan kursus yang mereka minati dan akhirnya memenuhi syarat biasiswa (Faridah Mydin Kutty, 2014).

#### g. Pencapaian akademik

Terdapat banyak faktor yang menyumbang pada pencapaian akademik iaitu antaranya pencapaian akademik adalah berasaskan pada jumlah purata markah yang diperolehi oleh pelajar dalam semua mata pelajaran (Fong Peng Chew dan Ming Hui Teong, 2014). Laporan Malaysia ke atas pendidikan berkenaan dengan pencapaian Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya pada tahap pendidikan rendah dan menengah iaitu terdapat perbezaan pencapaian antara jantina (Ministry of Education, 2004).



Rajah 1.1: Taburan Jumlah Penduduk Warganegara Malaysia Mengikut Negeri-negeri Bagi Tahun 2000

(Sumber: Shaari Abdul Rahman, 2001 dan Norsuzawani Binti Sudin, 2014)



Rajah 1.1 menunjukkan jumlah populasi di Malaysia berdasarkan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk tahun 2000. Wujud empat buah negeri yang memiliki populasi lebih dari dua juta orang penduduk dan negeri yang mempunyai jumlah populasi yang ramai adalah negeri Selangor iaitu kira-kira 4,002,440 orang penduduk. Terdapat tiga negeri lain yang juga mempunyai bilangan penduduk yang ramai iaitu Johor (2,590,095 orang), Perak (2,012,891 orang) dan Sarawak (2,008,768 orang). Negeri-negeri yang mengandungi populasi lebih dari satu juta orang penduduk pula adalah seperti Sabah yang berpenduduk seramai 1,988,661 orang, Kedah berpenduduk seramai 1,624,151 orang, Kelantan berpenduduk kira-kira 1,292,219 orang, W.P. Kuala Lumpur berpenduduk kira-kira 1,286,937 orang, Pulau Pinang berpenduduk seramai 1,265,067 orang dan Pahang yang berpenduduk seramai 1,233,576 orang. Negeri-negeri yang mempunyai bilangan penduduk yang rendah adalah meliputi negeri Perlis iaitu mempunyai penduduk seramai 201,295 orang, Melaka berpenduduk kira-kira 612,847 orang, Negeri Sembilan berpenduduk seramai 828,065 orang dan Terengganu berpenduduk seramai 882,987 orang (Shaari Abdul Rahman, 2001).

### **1.5.1.2 Kedah**

#### **a. Jantina**

Kajian oleh Mohammad Sodbir Hamzah dan Husin Abdullah (2013) menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding dengan responden lelaki dalam kajian kecekapan Bahasa Inggeris tentang modal sosial dan pencapaian akademik di kalangan pelajar ekonomi di Universiti Utara Malaysia, Kedah Darul Aman. Hampir 70.50 peratus adalah perempuan dari pelbagai bangsa Malaysia. Analisis deskriptif menunjukkan 92.3 peratus ibu bapa India yang dikaji adalah perempuan yang menunjukkan ibu lebih

terlibat dan menghabiskan lebih masa untuk membantu pendidikan anak-anak. Ibu cenderung mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dalam membantu anak-anak berbanding dengan bapa iaitu hanya 7.7 peratus (Vellymalay, 2012).

#### b. Umur

Majoriti responden yang dikaji adalah berumur antara 31 tahun hingga 40 tahun yang tinggal di kawasan bandar. Oleh kerana sekolah adalah terletak di pusat bandar ia membolehkan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah yang terletak berhampiran dengan kediaman (Vellymalay, 2012). Kajian oleh (Noorasiah Sulaiman et al. 2014) menunjukkan responden yang berada dalam lingkungan umur 41 tahun hingga 50 tahun iaitu kira-kira 25.0 peratus. Kategori umur yang lain adalah 21 tahun dan 30 tahun iaitu kira-kira 594 orang dan responden yang berumur 15 tahun hingga 20 tahun ialah 38 orang. Kajian menunjukkan terdapat pertalian antara modal sosial dan tingkat pendapatan responden yang mempunyai ciri-ciri umur berbeza. Komponen modal sosial iaitu kepercayaan, hubungan dan jalinan mempunyai pertalian dengan pendapatan berbanding dengan modal sosial jaringan dan komunikasi (Noorasiah Sulaiman et al. 2014).

#### c. Bangsa

Pencapaian akademik pelajar menggambarkan kekurangan ibu bapa Melayu yang tidak berpendidikan untuk membantu meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka. Ibubapa tidak dapat terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran anak-anak. Proses ini adalah berbeza mengikut kumpulan bangsa, lokasi dan kumpulan umur ibu bapa. (Zahyah Hanafi, 2008). Kajian ke atas empat puluh pelajar India menunjukkan bahawa status sosioekonomi ibu bapa menyediakan kekuatan yang lebih besar dalam bentuk

pengetahuan dan kekayaan dengan itu membolehkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan anak-anak di rumah (Vellymalay, 2012).

#### d. Pendapatan ibu bapa

Kajian menyediakan banyak bukti empirikal dan teoritikal untuk menyokong faktor sosioekonomi iaitu aras akademik ibu bapa dan bahan untuk dibaca ada pertalian dengan prestasi pendidikan. Ibu bapa dari status sosioekonomi tinggi dapat membantu remaja dalam pembelian bahan bacaan yang sesuai berdasarkan pada kemampuan akademik yang dimiliki berbanding dengan ibu bapa yang mempunyai latar belakang pendidikan yang lebih rendah. Pelajar dari latar belakang status sosioekonomi ibu bapa yang rendah perlu mendapat lebih sokongan daripada guru kerana pelajar tersebut tidak berkemungkinan untuk mendapat sokongan penuh daripada ibu bapa dalam pembelian bahan bacaan. Guru dan sekolah perlu membuat campurtangan atau menyokong program yang melihat pada hubungan akademik pelajar untuk memastikan pelajar tidak berada dalam keadaan kekurangan disebabkan berasal dari latar belakang ibu bapa yang rendah. Melalui program yang diadakan oleh guru dan sekolah dapat membantu pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik (Zahyah Hanafi, 2008). Kajian oleh Vellymalay (2012) mendapati terdapat 43.6 peratus ibu bapa pelajar sekolah yang tidak mempunyai pendapatan, 5.1 peratus mempunyai pendapatan di bawah RM1000, 17.9 peratus berpendapatan RM1001-RM2000, 15.4 peratus berpendapatan RM2001-RM3000, 7.7 peratus berpendapatan RM3001-RM4000, 5.1 peratus berpendapatan RM4001-RM5000 dan 5.1 peratus berpendapatan RM5001 ke atas (Vellymalay, 2012).

#### e. Biasiswa

Aktiviti memperkasakan pendidikan luar Bandar termasuk negeri Kedah melibatkan salah satunya Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU). Kementerian Pendidikan Malaysia mengurniakan BKP dan BPKU kepada pelajar sekolah menengah yang mempunyai pencapaian akademik, kokurikulum dan sukan yang cemerlang. Pada setiap tahun kira-kira seramai 200,000 pelajar dikurniakan BKP dan 30,000 pelajar dikurniakan BKPU (Zalika Adam et al. 2009). Pelbagai inisiatif subsidi berbentuk kewangan seperti biasiswa dan pinjaman kepada para pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi disebabkan kos pembiayaan ke institusi pendidikan tinggi semakin mengalami peningkatan (Nanthakumar Loganathan et al. 2009). Terdapat dua orang pelajar Universiti Utara Malaysia yang terlibat dalam kajian berkenaan dengan biasiswa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2010. Pemberian biasiswa tersebut bermula pada tahun 2006 supaya pelajar dapat menyambung pendidikan di pusat pendidikan tinggi awam di Malaysia. Ia merupakan pemberian biasiswa dari wang zakat tanpa mengira kedudukan keluarga pemohon tetapi ia merujuk kepada pencapaian akademik atau kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Agama Malaysia dan Diploma (Nik Sukri Ramly, 2013).

#### f. Tingkatan

Kajian ke atas pelajar tingkatan lima dari tiga buah sekolah menengah di sebuah daerah di Kedah menunjukkan tahap pencapaian pendidikan pelajar mempunyai pertalian dengan tahap pendidikan ibu bapa serta sumber bahan untuk dibaca di rumah (Zahyah Hanafi, 2008). Dalam kajian berkenaan pengetahuan dan kefahaman ilmu agama antara 60 orang pelajar Tingkatan Enam Atas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah

menunjukkan pembinaan perwatakan mempunyai pertalian dengan kefahaman dan penghayatan. Sekolah agama mempunyai kemampuan untuk menghalang berlaku masalah sosial yang semakin memberi kesan kepada personaliti remaja. Walaupun pengetahuan agama dapat mengatasi masalah kejadian sosial tetapi tetap wujud sebilangan kecil pelajar sekolah aliran agama yang mengalami masalah sosial. Kemampuan sekolah agama tersebut telah mendorong ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak ke sekolah aliran agama supaya anak-anak mempunyai personaliti yang baik dan tidak mengalami masalah sosial (Hairunnizan Wahid et al. 2015).

g. Pencapaian akademik

Purata Nilain Gred Kumulatif (PNGK) pelajar telah dikumpulkan mengikut pengkelasan ijazah Universiti Utara Malaysia, Kedah Darul Aman menunjukkan 16 peratus responden adalah dalam kategori ijazah kelas pertama, 75.30 peratus dalam kategori ijazah kelas kedua atas dan 8.60 peratus dalam kategori ijazah kelas kedua bawah. Terdapat 43.20 peratus responden yang mendapat A dan A-, 55.60 peratus mendapat B+, B dan B- serta 1.20 peratus mendapat C+ dan C (Mohammad Sodbir Hamzah dan Husin Abdullah, 2013). Kajian oleh Vellymalay (2012) mendapati terdapat dua puluh pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi adalah berasal dari kelas pertengahan dan ibu bapa mempunyai jangkaan yang tinggi ke atas pendidikan anak-anak serta terlibat dengan pelbagai strategi untuk membantu pencapaian akademik anak-anak. Temubual menunjukkan ibu bapa mempunyai kredibiliti, sikap dan tingkah laku yang kuat dari segi jumlah dan kualiti penglibatan dalam pendidikan anak-anak untuk memastikan anak-anak Berjaya dalam pendidikan akademik (Vellymalay, 2012).

## 1.6 Skop Kajian

Tempat kajian ialah dilakukan ke atas sekolah menengah kebangsaan (dijeniskan sebagai sekolah luar bandar) iaitu sekolah menengah harian biasa (SMHB) di Kedah. Fokus kajian adalah kepada pelajar sekolah oleh itu sekolah menengah harian biasa dipilih kerana pelajar di sekolah jenis ini mempunyai peratusan tahap pencapaian pendidikan yang rendah iaitu kebanyakan sekolah memperolehi peratus pencapaian tahap minimum kurang dari 60 peratus pada tahun 2011. Sekolah menengah harian biasa juga mempunyai banyak kekurangan seperti keadaan kemudahan infrastruktur yang kurang baik berbanding dengan sekolah yang berada di kawasan bandar. Keadaan pencapaian pendidikan di sekolah menengah harian biasa juga dikaitkan dengan latar belakang sosioekonomi keluarga yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan dikategorikan dalam kalangan penduduk miskin. Di negeri Kedah, jumlah peratus populasi yang sudah mengikuti persekolahan sehingga ke tahap sekolah menengah rendah ialah sebanyak 24 peratus jika dibandingkan dengan negeri-negeri kurang maju yang lain seperti Kelantan iaitu kira-kira 23.3 peratus, Pahang kira-kira 23.2 peratus, Perlis kira-kira 23.5 peratus dan Terengganu kira-kira 21.2 peratus. Perangkaan ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 1.1 (Apendiks A). Untuk menjalankan penyelidikan ini, kira-kira empat buah sekolah di luar bandar sudah ditentukan berasaskan pada pencapaian dalam keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu jumlah peratus pencapaian tahap minimum sekolah dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Penilaian Menengah Rendah adalah peperiksaan yang diduduki oleh pelajar sekolah di tingkatan tiga di mana pelajar perlu mendaftar sekurang-kurangnya tujuh subjek dan jumlah maksimum subjek ialah sembilan subjek. Penilaian menengah rendah adalah telah dilaksanakan pada tahun 1993 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Jadual 1.2 (Apendiks A) ialah keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah bagi SMHB kerajaan di Kedah pada tahun 2001 hingga tahun 2011. Berdasarkan perangkaan tersebut menunjukkan wujud sebilangan sekolah yang mempunyai pencapaian dalam lingkungan 30 peratus hingga 40 peratus mengikut prestasi aras terendah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Siong, Sekolah Menengah Kebangsaan Jerai, Sekolah Menengah Kebangsaan Naka, Sekolah Menengah Kebangsaan Jeneri, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Enggang, Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang, Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Shah.

Menerusi keputusan Penilaian Menengah Rendah pelajar sekolah dapat menentukan bidang ke tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setanding dengannya. Sekiranya pelajar tidak berjaya dalam Penilaian Menengah Rendah ini bermaksud pelajar tidak berjaya meneruskan pendidikan ke tahap SPM atau yang setanding dengannya dan pelajar akan dikategorikan dalam kumpulan pelajar yang ketinggalan dalam pelajaran. Bidang yang dapat dipilih oleh pelajar adalah bidang sains, sastera, *Information Technology* (IT) atau vokasional untuk jangka masa dua tahun. Pendidikan di Malaysia untuk sekolah menengah, SPM atau sijil yang setanding dengannya menunjukkan seseorang telah selesai pendidikan sekolah menengah.

Pembolehubah tidak bergantung iaitu modal sosial yang diselidiki adalah bentuk modal sosial merangkumi ikatan sosial atau modal sosial ikatan, jambatan sosial atau modal sosial merapatkan dan hubungan sosial atau modal sosial yang menghubungkan; dan enam dimensi merangkumi kumpulan-kumpulan dan jaringan-jaringan, kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial dan pendayaupayaan. Pembolehubah bergantung adalah pencapaian akademik boleh dikutip menerusi soalan-soalan tentang pencapaian atau keadaan

cemerlang pelajar dan soalan keputusan peperiksaan pelajar yang terkini dalam borang soal selidik.

## **1.7 Sumbangan Kajian**

Penyelidikan ini boleh memberi sumbangan dari segi fakta berkenaan corak modal sosial antara pelajar-pelajar sekolah di desa di kawasan yang dikaji. Berasaskan pada rujukan tentang kajian di negara Malaysia masih belum ada penyelidikan berkenaan dengan modal sosial antara pelajar sekolah di desa. Sumbangan kajian tentang modal sosial dengan aspek-aspek yang lain di Malaysia adalah seperti berikut:

### **a. Teori**

Penyelidikan ini dapat memberi sumbangan kepada pembinaan teori modal sosial dan pencapaian akademik. Aspek-aspek yang boleh dikemukakan dalam teori ialah berkenaan indikator modal sosial yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik seperti kumpulan dan jaringan, kepercayaan, maklumat dan komunikasi dan indikator modal sosial yang lain. Kajian ini dapat menambahkan koheren dari segi teoretikal melalui mengenal pasti asas yang berkenaan dengan modal sosial dan memeriksa pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik. Sebagai contohnya, kajian ini menonjolkan indikator modal sosial merangkumi bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial dalam mempengaruhi pencapaian akademik dan keputusan peperiksaan pelajar desa. Penelitian lanjut berkenaan pengaruh modal sosial dan pencapaian akademik dibuat melalui memeriksa teori jaringan yang cuba mengkaji pertalian teori jaringan dengan aspek modal sosial dan pencapaian akademik. Sumbangan penting yang lain ialah kepada disiplin sains sosial iaitu idea berkenaan modal sosial di mana modal sosial mengandungi pelbagai indikator seperti kumpulan dan jaringan yang telah dikaji menggunakan kaedah empirikal.



Sumbangan empirikal ini dapat meningkatkan pemahaman berkenaan dengan modal sosial dan indikator-indikator modal sosial. Di samping itu, kajian ini juga mengemukakan kerangka teoritikal untuk pemahaman berkenaan indikator modal sosial sebagai contohnya bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial dalam konteks pencapaian akademik pelajar desa.

b. Metodologi

Sumbangan kajian ini ke atas metodologi ialah pembaharuan atau inovasi seperti proses pengutipan data, instrumen untuk pengutipan data iaitu borang soal selidik dan analisis statistik. Kajian ini telah membina satu borang soal selidik yang menggunakan soalan atau item yang berbeza dari kajian terdahulu dan telah menjalankan ujian kebolehpercayaan serta kesahan ke atas borang soal selidik. Borang soal selidik mengandungi indikator modal sosial iaitu bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial. Borang soal selidik tersebut pengkaji telah digunakan untuk menjalankan pengutipan data ke atas pelajar di sekolah luar bandar yang menggunakan pernyataan-pernyataan dan memerlukan persetujuan dari responden menggunakan skala Likert. Keputusan dari borang soal selidik ditunjukkan dalam keputusan analisis statistic korelasi dan regresi berganda.

c. Kegunaannya kepada pihak-pihak yang berkenaan

Kajian ini dapat memberi sumbangan penting kepada tinjauan literatur tentang modal sosial dan pencapaian akademik khususnya pelajar desa. Penyelidikan ini juga boleh memberi sumbangan dalam bentuk ilmu terkini berkenaan kesan modal sosial ke atas prestasi akademik disebabkan pendekatan yang dimanipulasikan dalam penyelidikan adalah kaedah kuantitatif. Majoriti penyelidik-penyelidik terdahulu memanipulasikan sejenis

kaedah tunggal iaitu sama ada memanipulasikan kaedah pendekatan kuantitatif semata-mata atau kualitatif semata-mata. Antara penyelidikan tersebut mendapati bahawa modal sosial keluarga dan komuniti memberi kesan ke atas prestasi akademik pelajar. Namun menerusi pendekatan kuantitatif hasil penyelidikan menerusi kaedah ini dapat menghasilkan pengetahuan yang lebih mendalam dan menyeluruh. Oleh itu, fakta dan data terkini berkenaan dengan bagaimana modal sosial antara pelajar sekolah di desa memberi kesan ke atas pencapaian akademik boleh dikutip.

Selain dari itu, sungguhpun penyelidikan berkenaan modal sosial dan pencapaian akademik sudah dilaksanakan oleh pengkaji di negara-negara lain namun dapatan tersebut tidak dapat digeneralisasikan di negara Malaysia. Ini adalah disebabkan setiap negara wujud budaya yang berbeza yang memberi kesan ke atas pola penghidupan komuniti setempat. Maka, keputusan penyelidikan dari sesebuah negara tidak dapat digeneralisasikan bagi negara lain yang wujud budaya yang berbeza. Lebih-lebih lagi, tidak hanya budaya komuniti Malaysia berbeza, tetapi kandungan komuniti Malaysia juga berbeza-beza iaitu mengandungi ras yang berbeza yang mana memberi maklumat tentang sebab penyelidikan ini perlu dijalankan dan tidak dapat mengambil kesimpulan dari kajian di negara-negara lain.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Kumpulan dan jaringan**

Dalam kajian ini pembolehubah yang diukur ialah kumpulan dan jaringan yang memeriksa hubungan pelajar dengan persatuan di sekolah dan di luar sekolah. Menurut Grootaert et al. (2004), hubungan adalah untuk mengkaji bagaimana dimensi modal sosial ini menolong penyaluran pengetahuan dan fakta serta menjadikan mudah proses

menghasilkan keputusan bersama. Aspek-aspek yang berkaitan dengan pembolehubah bebas ini ialah kepadatan keahlian, keahlian yang berbeza, had melaksanakan demokrasi dan had interaksi dengan kelompok lain. Beberapa soalan berkenaan hubungan pelajar dengan persatuan di sekolah dan persatuan di luar sekolah dikemukakan dalam borang soal selidik. Soalan yang lain adalah berkenaan kepadatan keahlian, keahlian yang berbeza, had melaksanakan demokrasi dan had interaksi dengan kelompok lain. Soalan 1 hingga 8 adalah merujuk pada faktor kumpulan dan jaringan iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 8 soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “saya menganggotai kumpulan/persatuan akademik di sekolah sebagai contohnya persatuan Bahasa Malaysia, sains, matematik, pendidikan Islam dan lain-lain”.

### **1.8.2 Kepercayaan**

Kajian ini mengukur kepercayaan dalam borang soal selidik yang merujuk pada soalan 50 hingga 52 iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 3 soalan. Menurut Ostrom dan Ahn (2003) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (2001) kepercayaan adalah satu bahagian norma yang berkaitan dengan hal berkongsi oleh individu dan nilai yang terdapat dalam modal sosial. Berdasarkan Organisation for Economic Co-operation and Development (2001), terdapat tiga jenis kepercayaan iaitu pertama, kepercayaan antara perorangan antara individu yang dikenali seperti ahli keluarga, kawan di tempat kerja yang rapat dan jiran. Kedua, kepercayaan antara perorangan antara individu asing dan individu yang tidak dikenali dan ketiga, kepercayaan terhadap institusi awam dan swasta. Soalan-soalan dalam borang soal selidik adalah berkenaan dengan aspek kepercayaan yang dikemukakan oleh Organisation for Economic Co-operation and

Development (2001). Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “saya percaya kepada individu yang tidak dikenali saya”.

### **1.8.3 Tindakan kolektif dan kerjasama**

Kajian ini mengukur tindakan kolektif dan kerjasama yang merujuk pada soalan 53 hingga 57 dalam borang soal selidik iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 5 soalan. Menurut Grootaert et al. (2004), pembolehubah ini adalah berkaitan had tindakan bersama, kategori aktiviti yang menjadi tugas secara bersama dan prestasi menyeluruh ke atas kerelaan untuk bekerja bersama-sama dan terlibat dalam tindakan bersama. Lalitha (2013) telah mendefinisikan tindakan kolektif dan kerjasama sebagai ahli kumpulan yang bekerja dengan rakan ahli dalam kumpulan dan bekerja dengan ahli komuniti dalam projek bersama seperti kebersihan dan air minuman. Soalan-soalan yang ditanya dalam borang soal selidik ialah berkenaan bantuan kepada pihak sekolah, bekerjasama dengan rakan-rakan, bersedia bekerjasama dalam aktiviti sekolah dan batasan kerjasama. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “saya akan menghulurkan bantuan kepada pihak sekolah sekiranya berlaku sebarang bencana”.

### **1.8.4 Maklumat dan komunikasi**

Dalam kajian ini maklumat dan komunikasi adalah merujuk pada sumber maklumat pelajar yang boleh mempengaruhi pencapaian pendidikan di samping itu meneroka cara golongan pelajar menerima maklumat menurut Grootaert et al. (2004). Soalan-soalan berkenaan dengan pembolehubah ini ialah soalan 58 hingga 71 yang berkenaan sumber maklumat pelajar iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 14 soalan. Skala yang digunakan

adalah skala Likert. Contoh soalan ialah “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah mempunyai capaian maklumat dan komunikasi yang baik”.

#### **1.8.5 Perpaduan dan penyertaan sosial**

Kajian ini mengukur pembolehubah perpaduan dan penyertaan sosial yang berkenaan tindakan memasukkan seseorang atau sesuatu dalam satu kelompok, kecenderungan untuk menjadi suka bergaul, konflik dan ketidaktenteraman menurut Grootaert et al. (2004). Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan perpaduan dan penyertaan sosial sebagai masyarakat adalah bukan entiti tunggal tetapi dicirikan oleh pelbagai bentuk pembahagian berasaskan kasta, agama, pekerjaan dan lain-lain. Beberapa soalan dikemukakan dalam borang soal selidik yang merujuk pada pelajar termasuk dalam kumpulan, keadaan suka bergaul, keadaan konflik dan ketidaktenteraman iaitu merujuk pada soalan 72 hingga 77 iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 6 soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “saya adalah termasuk sebagai seorang daripada masyarakat sekolah saya”.

#### **1.8.6 Pendayaupayaan**

Kajian ini mengukur pendayaupayaan yang merujuk pada soalan 78 hingga 81 yang berkenaan dengan kemampuan menghasilkan keputusan yang memberi kesan ke atas aktiviti sepanjang hari dan dapat memberi perubahan ke atas arah haluan penghidupan individu, keadaan gembira, kemahiran dalam menghasilkan keputusan personal dan kemampuan untuk memberi kesan ke atas peristiwa tempatan. Jumlah soalan adalah sebanyak 4 soalan. Lalitha (2013) yang telah mendefinisikan pendayaupayaan sebagai

proses mencabar hubungan kuasa yang wujud dan memperolehi kawalan ke atas sumber seperti kewangan, sumber semula jadi dan fizikal. Berdasarkan idea Grootaert et al. (2004) ini beberapa soalan telah dikemukakan dalam borang soal selidik bagi memenuhi idea tersebut. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “saya merasa gembira semasa berada di sekolah”.

### **1.8.7 Ikatan Sosial**

#### **a. Interaksi sosial**

Kajian ini mengukur interaksi sosial sebagai kaedah sosial melibatkan dua atau lebih orang atau kumpulan, merangkumi tindakan hubungan timbal balik dalam kelakuan individu ke atas individu lain dan kemudiannya secara timbal balik memberi kesan antara satu individu dengan individu yang lain menurut Ting Chew Peh (1997). Interaksi sosial menurut Nisbet (1970) dikelaskan kepada pertukaran, kerjasama, keakuran, pemaksaan dan konflik. Soalan dikemukakan dalam borang soal selidik berdasarkan aspek tersebut yang merujuk pada soalan 9 hingga 21 iaitu sebanyak 13 soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Aspek yang dikaji dalam interaksi sosial ialah seperti berikut:

- i. Pertukaran (merangkumi 2 soalan) sebagai contohnya soalan 9 iaitu “saya menyertai aktiviti kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah untuk mendapatkan ganjaran (seperti merit)”.
- ii. Kerjasama (2 soalan) sebagai contohnya soalan 11 iaitu “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah menjalankan tindakan bersama bagi mencapai matlamat kumpulan/persatuan”.

- iii. Kepatuhan (3 soal) sebagai contohnya soal 13 “saya dapat menyesuaikan tingkah laku saya dengan peraturan-peraturan atau prinsip kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah”.
- iv. Pemaksaan (4 soal) sebagai contohnya soal 16 yaitu “keahlian kumpulan/persatuan di sekolah adalah wajib”.
- v. Konflik (2 soal) sebagai contohnya soal 20 yaitu “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah mempunyai ahli yang saling bertentangan (berkonflik) di antara satu sama lain”.

b. Agregat sosial

Dalam kajian ini agregat sosial diukur dengan merujuk kepada koleksi individu-individu yang berada di lokasi yang serupa tetapi tidak berinteraksi atau berkongsi sifat (Zgourides, 2000). Soal 22 hingga 24 di mana adalah berdasarkan idea Nisbet (1970) iaitu berkenaan kewujudan ahli, secara terus atau tidak terus melalui lambang umum, sedar antara satu sama lain dan dipengaruhi antara satu sama lain. Jumlah soal adalah sebanyak 3 soal. Beberapa soal dalam borang soal selidik adalah berdasarkan kepada aspek yang dikemukakan oleh Nisbet (1970). Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soal ialah seperti “ahli-ahli kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah menyedari antara satu sama lain”.

c. Autoriti sosial

Autoriti sosial dalam kajian ini diukur pada autoriti formal yang menunjukkan dengan nyata melalui undang-undang atau peraturan-peraturan bertulis menurut Nisbet (1970). Beberapa soal iaitu soal 25 hingga 27 dikemukakan berdasarkan aspek tersebut. Jumlah soal adalah sebanyak 3 soal. Skala yang digunakan adalah skala

Likert. Contoh soalan ialah seperti “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah mempunyai peraturan-peraturan atau prinsip”.

d. Peranan sosial

Kajian ini mengukur peranan sosial sebagai berkenaan dengan status atau kedudukan sosial individu dalam sesebuah kumpulan atau situasi sosial menurut Ting Chew Peh (1997) di mana soalan yang dikemukakan bagi aspek ini adalah soalan 28 hingga 29 iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 2 soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah mempunyai peraturan-peraturan atau prinsip”.

e. Status sosial

Kajian ini mengukur status sosial yang merujuk pada bentuk lapisan sosial yang kedudukan sosial diperingkatkan dan disusun melalui ciri-ciri undang-undang, politik dan kebudayaan ke dalam kumpulan status (Mennen, 2011). Beberapa soalan telah dikemukakan dalam borang soal selidik yang dapat dilihat pada soalan 30 hingga 31. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “kumpulan/persatuan yang saya anggotai mempunyai peringkat hierarki (seperti jawatankuasa tertinggi, jawatankuasa dan ahli biasa)”.

f. Norma sosial

Kajian ini mengukur norma sosial yang berkenaan dengan kelakuan piawai yang dikongsi oleh ahli sesebuah kelompok dan ahli kelompok tersebut diramal akan patuh menurut Ting Chew Peh (1997) di mana beberapa soalan dikemukakan adalah merujuk pada soalan 32 hingga 34 dalam borang soal selidik iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 3



soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “kumpulan/persatuan yang saya anggotai mempunyai peringkat hierarki (seperti jawatankuasa tertinggi, jawatankuasa dan ahli biasa)”.

g. Entropi sosial

Kajian ini mengukur entropi sosial sebagai kaedah-kaedah kelakuan iaitu kelakuan endemik merangkumi pengasingan, pengeluaran dari peranan-peranan, status-status dan norma-norma susunan sosial; konflik; dan penyimpangan menurut Nisbet (1970). Soalan yang merujuk pada aspek ini ialah soalan 35 hingga 41 iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 7 soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “hubungan saya dengan ahli-ahli kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah terputus”.

h. Jambatan sosial

Kajian ini mengukur jambatan sosial sebagai hubungan yang merangkumi jurang dan tahap kepercayaan yang rendah (Lancee, 2012). Soalan 42 hingga 46 yang berkenaan dengan ikatan sosial yang menghubungkan dua kumpulan yang berbeza dalam rangkaian sosial. Jumlah soalan adalah sebanyak 5 soalan. Soalan dikemukakan berdasarkan pada aspek-aspek tersebut. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah sentiasa bertukar maklumat dengan kumpulan/persatuan lain”.

i. Hubungan sosial

Kajian ini mengukur hubungan sosial sebagai hubungan dengan orang-orang yang berkuasa termasuk hubungan menegak kepada institusi formal menurut Dahal dan Adhikari (2008). Beberapa soalan dalam borang soal selidik adalah merujuk pada aspek tersebut iaitu

soalan 47 hingga 49 iaitu jumlah soalan adalah sebanyak 3 soalan. Skala yang digunakan adalah skala Likert. Contoh soalan ialah seperti “kumpulan/persatuan yang saya anggotai di sekolah bertukar pandangan dengan pihak berkuasa seperti Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, ahli parlimen, wakil rakyat dan pembuat dasar”.

j. Demografi

Kajian ini mengukur demografi yang merujuk pada latar belakang responden. Antara soalan berkenaan latar belakang responden adalah tingkatan, agama, jantina, bangsa dan lain-lain. Soalan demografi adalah sebanyak 33 soalan iaitu soalan 82 hingga 95 dan soalan 98 hingga 116.

k. Pencapaian akademik

Kajian ini mengukur pencapaian pendidikan responden sebagai berkenaan keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh pelajar sekolah yang dikaji iaitu melibatkan pencapaian kurang baik, baik dan cemerlang. Jumlah soalan pembolehubah pencapaian pendidikan adalah sebanyak 2 soalan iaitu soalan 96 hingga soalan 97. Soalan berkenaan pencapaian pendidikan adalah seperti “pencapaian/kecemerlangan anda” dan “keputusan peperiksaan anda yang terkini”. Contoh soalan ialah seperti “pencapaian/kecemerlangan anda: 1. Kurang baik, 2. Baik, dan 3. Cemerlang”. Pencapaian kurang baik bermaksud tiada keputusan A dalam mata pelajaran yang diambil oleh pelajar. Pencapaian yang baik bermaksud pelajar mendapat 1A hingga 2A dalam mata pelajaran yang diambil. Pencapaian yang cemerlang bermaksud pelajar mendapat 3A hingga lebih dari 5A dalam mata pelajaran yang diambil. Soalan kedua dalam menentukan prestasi akademik ialah keputusan peperiksaan anda yang terkini: 1. Tiada A, 2. 1A hingga 2A, 3. 3A hingga 4A dan 4. Lebih daripada 5.

## **1.9 Kerangka Tesis**

Tesis ini mengandungi lima bab iaitu bab 1 yang merupakan bab pendahuluan tesis. Bab 2 ialah bab yang menerangkan ulasan literature, kerangka kajian dan hipotesis kajian. Bab 3 ialah bab yang menerangkan kaedah kajian dijalankan merangkumi reka bentuk kajian, kumpulan sasaran, pemilihan responden, kajian rintis, kajian utama, ujian kesahan dan kebolehpercayaan borang kaji selidik, faktor analisis dan analisis data. Bab 4 ialah bab yang menerangkan hasil atau keputusan kajian manakala bab 5 ialah bab yang menerangkan pandangan dari pengkaji-pengkaji terdahulu yang mempunyai persamaan dan perbezaan dengan keputusan kajian, implikasi kajian, kelemahan kajian dan cadangan kajian.

## **1.10 Kesimpulan**

Keseluruhannya, pendidikan adalah unsur amat berharga untuk membawa perubahan ke atas penghidupan sosial, ekonomi, pemikiran dan lain-lain aspek masyarakat terutamanya di kawasan desa. Ini adalah disebabkan menerusi pendidikan, tafsiran masyarakat berkenaan dengan perkembangan boleh buat perbaikan dan norma-norma negatif dalam masyarakat juga boleh ditangani. Walau bagaimanapun, pada umumnya amat berharga adalah pencapaian akademik boleh dipengaruhi oleh modal sosial yang dimiliki oleh sesebuah kelompok komuniti dan pada masa yang sama pencapaian akademik itu sendiri dapat memberi kesan ke atas pembangunan modal sosial.